

JABATAN KORPORAT

TARIKH:18.07.2024 MASA:05.00pm

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN KURSUS PEMAHAMAN  
*ENVIRONMENTAL, SOCIAL AND GOVERNANCE (ESG)*

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 JULAI 2024 (SELASA)**

**09.00 PAGI**

**ICONIC HOTEL  
JALAN BUKIT TENGAH  
PULAU PINANG**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul dalam **Majlis Perasmian Kursus Pemahaman *Environmental, Social and Governance (ESG)*** di Iconic Hotel, Bukit Tengah.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, kakitangan-kakitangan kumpulan pelaksana dari Jabatan-Jabatan Dalaman MBSP yang mengambil bahagian dalam kursus pada hari ini.
3. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada urusetia penganjuran program pada hari ini, iaitu Jabatan Bangunan MBSP yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.

4. Di Malaysia, *Environmental, Social and Governance* (ESG) merupakan elemen penting yang kini diambil kira untuk mempertimbangkan sesebuah perniagaan dan juga pelaburan. Ini terhasil berikutan kepesatan perkembangan ekonomi yang menyebabkan impak negatif kepada alam sekitar dan keseimbangan sosial.
  
5. *ESG* ialah akronim untuk *Environmental, Social and Corporate Governance* merupakan satu rangka kerja yang diterima pakai untuk mencerminkan aspirasi organisasi korporat yang mengambil kira elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam setiap operasi organisasi, syarikat atau badan swasta.
  
6. *Environmental, Social and Governance* (ESG) merupakan kriteria yang digunapakai untuk menilai kesan amalan dan pelaksanaan sesebuah syarikat kepada prestasi kewangan dan operasi mereka. Pada mulanya, ESG hanya digunakan untuk mencari pelabur yang berpotensi dan sesuai. Namun, sekarang ESG telah menjadi tumpuan para pelabur kerana pihak kerajaan turut memberi perhatian kepada ESG dan orang ramai juga sudah mempunyai kesedaran mengenai pengaruh ESG untuk sesebuah syarikat. Banyak syarikat besar yang

didagangkan di pasaran saham seluruh dunia melaporkan inisiatif ESG mereka dalam laporan syarikat.

7. Faktor "*Environmental*" menunjukkan pengaruh sesebuah syarikat terhadap alam sekitar dan keupayaan mereka untuk mengurangkan kesan negatif kepada persekitaran. Secara amnya, syarikat akan dinilai dengan penggunaan tenaga, penghasilan sisa, tahap pencemaran, penggunaan sumber dan kebajikan haiwan.
8. Faktor "*Social*" merupakan hubungan antara sesebuah syarikat dengan syarikat lain dan komuniti setempat. Faktor sosial mengambil kira kepelbagaian, hak manusia dan juga perlindungan pengguna.
9. Faktor "*Governance*" pula, mengambil kira urus tadbir syarikat dan hubungan dengan orang yang penting dalam syarikat termasuk pekerja dan pemegang saham. Urus tadbir syarikat yang betul dan telus boleh mengelakkan konflik. Selain itu, jika syarikat ditadbir dengan baik, lebih ramai pelabur akan berminat untuk membuat pelaburan dan pekerja yang mahir juga akan setia untuk berkhidmat di syarikat tersebut.

10. Penglibatan sesuatu organisasi dalam usaha untuk memulihara dan mengurus khazanah negara melalui pensijilan karbon akan dapat meningkatkan Indeks *Environmental, Social and Governance* (ESG) organisasi dan bukan sahaja terhad semata-mata sebagai satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*). Malah aspek pelaporan kelestarian (*sustainability report*) dalam bidang perniagaan telahpun menjadi satu keperluan sektor swasta pada masa kini.
11. Bursa Malaysia telah memperkenalkan sistem penarafan ESG yang selari FTSE Russel bagi menilai perniagaan di Malaysia yang mempunyai pertimbangan elemen ESG yang seterusnya dijadikan rujukan para pelabur.
12. Oleh demikian, adalah penting bagi MBSP untuk memahami dan mengintegrasikan elemen ESG di dalam dasar polisi pembangunan agar Seberang Perai kekal relevan dan dapat menarik serta menjadi tumpuan pelabur untuk melaksanakan pembangunan seterusnya dapat meningkatkan hasil majlis melalui cukai dan sebagainya.
13. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, kursus ini bertujuan untuk memberikan kesedaran dan pemahaman kepada Ahli-Ahli Majlis,

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional dan kakitangan kumpulan pelaksanaan terhadap ‘*Environmental, Social, and Governance*’ (ESG), yang mengarah ke arah meningkatkan lagi usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar.

14. Melalui kursus ini Jabatan akan mempelajari mengenai *Environmental, Social, and Governance* (ESG), impak atau kesan ESG terhadap pembangunan dan pemajuan di sesebuah bandar dan kaedah pengurangan karbon.
15. Hasil dan impak daripada pelaksanaan kursus ini, pegawai dan kakitangan yang hadir dapat meningkatkan pemahaman terhadap ESG dan Karbon Neutral, serta mengarus perdana ESG di dalam dasar dan proses membuat keputusan.
16. MBSP memberi penekanan terhadap peranannya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyediakan ruang hijau dan selamat kepada penduduk dan masyarakat setempat dan mengekalkan udara yang bersih dan persekitaran yang sihat selaras dengan SDG 11: “*Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable*”; dan SDG 13: “*Take urgent action to combat climate*

*change and its impact*”, dan sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri iaitu Wawasan Penang 2030 *A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*.

17. MBSP ingin menyahut agenda negara ke arah matlamat kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social and Governance*) yang memberi komitmen yang berterusan dalam hala tuju kelestarian organisasi menerusi aspirasi untuk menentukan hala tuju MBSP yang jelas iaitu mensasarkan untuk menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050.
  
18. MBSP hendak membawa perubahan kepada semua rakyat Seberang Perai dengan menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar.
  
19. Sebagai mendokong aspirasi MBSP ke arah *zero carbon city* menjelang 2050, MBSP hendaklah menyerap dan membudayakan ESG (*Environment, Social & Governance*) dalam kerja-kerja harian. Kursus pada hari ini adalah salah satu inisiatif MBSP untuk

meneruskan komitmen dan sokongan terhadap Wawasan Penang2030, untuk menjadi negeri hijau.

20. Marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kelestarian alam sekitar.
21. Akhir kata, dengan lafaz suci **Bismillahir Rahmanir Rahim** saya merasmikan **Kursus Pemahaman *Environmental, Social and Governance* (ESG)**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***